

MAHATHIR-BANK

1979

KUALA LUMPUR, 13 NOV. (BERNAMA) — MALAYSIA AKAN TERUS MEMINJAM DARI BANK DUNIA UNTUK MEMBIAYAI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNANNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENAMBAH WALAUPUN TERDAPAT BEBERAPA MASALAH, BANK DUNIA MASIH MERUPAKAN SUMBER KEWANGAN YANG BAIK.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS NAIB PRESIDEN BANK DUNIA BAGI RANTAU ASIA DAN PASIFIK, ENCIK SHAHID HUSAIN MENGUNJUNGINYA DI PEJABATNYA DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA KEUPAYAAN MALAYSIA UNTUK MEMBAYAR PINJAMAN YANG DIDAPATINYA DARI BANK DUNIA DAN UNTUK MENGGUNAKAN PINJAMAN TERSEBUT DENGAN JAYANYA UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEKNYA SANGAT-SANGAT DIHARGAI OLEH BANK TERSEBUT.

OLEH YANG DEMIKIAN TIDAKLAH PERLU BAGI BANK ITU MENYELIA PROJEK-PROJEK YANG DILAKSANAKAN DI MALAYSIA YANG MELIBAT PEMBIAYAAN BANK TERSEBUT. — BERSAMBUNG 1740/LK

B576:

MAHATHIR-BANK 2 KUALA LUMPUR

KATANYA BANK DUNIA MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA MALAYSIA MEMPUNYAI JENTERA, SEPERTI UNIT PERANCANG EKONOMI DAN UNIT PELAKSANAAN DAN PENYELARASAN UNTUK MENENTUKAN PROJEK-PROJEK DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA.

KETIKA BERBINCANG DENGAN ENCIK SHAHID, TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBANGKITKAN SOAL SAMA ADA BANK DUNIA BOLEH MEMBAIKI SYARAT-SYARAT PINJAMANNYA DAN KEMUNGKINAN BANK ITU MEMBANTU MALAYSIA MENJALANKAN KAJIAN UNTUK Mencari SUMBER-SUMBER TENAGA LAIN SEPERTI ARANG BATU DAN ELEKTRIK HAIDRO.

MEREKA JUGA MEMBINCANGKAN MASALAH UMUM PERINDUSTRIAN DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYEBUT TENTANG KEMUNGKINAN MENOLONG MEWUJUDKAN PERSEFAHAMAN YANG LEBIH DI KALANGAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN TENTANG PERLUNYA PERINDUSTRIAN DI NEGARA-NEGARA SEPERTI MALAYSIA.

KEMUDIAN ENCIK SHAHID MENGUNJUNGI PERDANA MENTERI DATUK HUSSEIN ONN DI PEJABATNYA.

ENCIK SHAHID YANG MENGETUAI SATU ROMBONGAN BANK DUNIA KE SINI UNTUK MENGETAHUI BAGAIMANA BANTUAN BANK DUNIA DAPAT DILAKUKAN, UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT. — BERNAMA